



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
24 FEBRUARI 2021 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--------------------------------------|----|
| - 14 lagi kematian akibat Covid – 19 | 10 |
|--------------------------------------|----|

Berita Harian

- | | |
|----------------------------------------------------|---|
| - Proses hantar vaksin ke setiap negeri lancar | 4 |
| - KKM nilai bekas pesakit COVID-19 terima suntikan | 5 |

The Star

- | | |
|---------------------------------------|---|
| - Preventing pollution at river basin | 4 |
|---------------------------------------|---|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
24 FEBRUARI 2021 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	14 lagi kematian akibat Covid – 19
Muka Surat	10

10 RABU 24 FEBRUARI 2021 • SINAR HARIAN

Sinar untuk Malaysia

MEMERANGI WABAK COVID-19

14 lagi kematian akibat Covid-19

SAH 24/2/2021 m s 10

Sebanyak 2,468 kes baharu Covid-19 dilaporkan pada Selasa menjadikan jumlah kumulatif kes Covid-19 dalam negara adalah sebanyak 288,229 kes selain 14 lagi kematian dilaporkan dalam tempoh 24 jam lepas.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, bagi kes sembuh harian sebanyak 4,055 kes yang dilaporkan pada Selasa, juga lebih tinggi berbanding kes positif harian menjadikan jumlah sembuh keseluruhan hingga kini sebanyak 256,678 kes.

"Kes aktif yang dilaporkan pada Selasa ialah sebanyak

Malaysia catat sebanyak 2,468 kes baharu pada Selasa

KUALA LUMPUR

DR NOOR HISHAM

negara.

Beliau memaklumkan, Selangor kekal mencatatkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 932 kes.

Katanya, daripada 14 kes kematian dilaporkan pada Selasa, sebanyak 10 kes dicatatkan di Selangor, dua kes di Sarawak dan masing-masing satu kes di Johor dan Sabah dengan umur dalam lingkungan 30 hingga 77 tahun, dan 13 daripada kes adalah warganegara dan satu bukan warganegara.

Sementara itu, Dr Noor His-

ham berkata, sebanyak 13 lagi kluster baharu dikenal pasti pada Selasa dengan 11 daripadanya berkaitan tempat kerja, manakala dua kluster melibatkan komuniti iaitu di Taman Mawar, Sabah dan Jalan Muhibbah, Sarawak.

Katanya, kluster tempat kerja yang dikenal pasti ialah Tapak Bina Digital Lapan, Jalan Wawasan 16, Jalan Cyber Sembilan dan Jalan Tebrau Pandan di Johor; Jalan Damai, Jalan Serendah dan Subang Tiga (Selangor), Jalan Setiawangsa dan Jalan Bayam (Kuala Lumpur); Tapak Binaan Jalan Ekar (Negeri Sembilan) dan Jalan PKNK 3/3 di Kedah. - Bernama



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
24 FEBRUARI 2021 (RABU)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Proses hantar vaksin ke setiap negeri lancar
Muka Surat	4

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Proses hantar vaksin ke setiap negeri lancar

BH 24/2/2021
msy

Kerajaan negeri siap siaga suntik kumpulan sasar mulai hujung minggu

Oleh Mohamed Farid Noh,
Mohd Nasiruddin Parzi, Balqis Jazimah Zahari, Hamzah Osman, Noorazura Abdul Rahman, Amir Mamat, Juwan Riduan, Mohd Amin Jalil dan Dzyaul Afrah Abdul Rahman
bhnews@blh.com.my

Kuala Lumpur: Proses penghantaran vaksin ke setiap negeri sempena fasa pertama Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan berjalan lancar.

Kerajaan negeri juga bersiap siaga untuk melaksanakan program itu kepada kumpulan sasar yang ditetapkan bermula hujung minggu ini atau awal bulan hadapan.

Di Ipoh, Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, berkenan berangkat ke Pusat Penyerahan Vaksin (PPV) pada jam 10.15 pagi di Stadium Indera Mulia, di sini, semalam, yang disambut oleh Menteri Besar, Datuk Saarani Mohamad, bersama Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ahmad Suadi Abdul Rahim.

Keberangkatan baginda bertujuan melihat kesiasiaaan, lengkapnya dan fasiliti PPV terbabit bagi melaksanakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan di negeri itu dijadual berbulan 1 Mac ini.

Sementara itu, Saarani berkata, 34,743 petugas barisan hadapan akan menerima suntikan vaksin COVID-19 pada fasa pertama pelaksanaan program itu di Perak.

"Kita juga akan melihat semula berkenaan guru dan petugas media menjadi antara fasa pertama menerima suntikan vaksin di negeri ini," katanya.

Di Petaling Jaya, Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor, berkata beliau menjadi individu pertama yang akan disuntik vaksin COVID-19 pada hari berkenaan, dilikuti barisan Ahli Majlis Mesyuarat Negeri (EXCO) pada Ahad ini.

"Sayangnya pertama disuntik, kemudian EXCO dilikuti anggota barisan hadapan, RELA (jabatan Sukanrelawan Malaysia), petugas Jabatan Kesihatan, APM (Angka-

tan Pertahanan Awam Malaysia) dan lain-lain," katanya ditemui media ketika mengadakan kunjungan ke Media Prima Berhad (MPB) di Sri Pentas, semalam.

Yang turut hadir, Pengurus Kumpulan MPB, Datuk Dr Syed Hussian Syed Junit; Pengarah Eksekutif Kumpulan MPB, Rafiq Razali dan pengurusan kamar MPB.

Pegawai Daerah Langkawi, Saiful Anwar Azmi, berkata sejumlah 1,200 dos vaksin COVID-19 yang dibawa menggunakan perkhidmatan feri dijangka tiba di Dermaga Tanjung Lembing di sini, pada petang esok.

Beliau berkata, feri berkenaan dijangka berlepas dari Jeti Kuala Perlis pada jam 2 petang dan tiba pada jam 5 petang, sebelum semua vaksin akan dihantarkan ke Klinik Kesihatan Ayer Hangat untuk simpanan.

"Pergerakan kenderaan yang membawa vaksin itu akan dikawal ketat anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM). Seramai 1,278 petugas barisan hadapan bukan Kementerian Kesihatan (KKM) menjadi kumpulan pertama menerima suntikan vaksin bermula Ahad ini di Kompleks Sukan Lemba'ah Pembangunan Langkawi," katanya.

Di Ayer Keroh, Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md Ali, berita Melaka menerima 600,000 dos vaksin Pfizer-BioNTech mulai hari ini.

Di Johor Bahru, Menteri Besar, Datuk Hasni Mohammad, ber-



Sultan Nazrin berangkat ke Pusat Penyerahan Vaksin melihat persiapan kelengkapan dan fasiliti Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan di Stadium Indera Mulia, Ipoh, semalam.
(Foto BERNAMA)



Saya orang pertama disuntik, kemudian EXCO dilikuti anggota barisan hadapan, RELA, petugas Jabatan Kesihatan, APM dan lain-lain.

Muhammad Sanusi Md Nor,
Menteri Besar Kedah

Beliau berkata, bagi fasa pertama, 11,000 dos vaksin akan mulai diberikan kepada petugas barisan hadapan bermula 2 Mac hingga 30 April ini dan ia akan di tetapkan di Hospital Melaka.

Yang di-Pertua Negeri, Tun Dr Mohd Ali Mohd Rustam dijangka menjadi individu pertama menerima suntikan minggu depan, di susuli Ketua Menteri, anggota EXCO dan Ahli Menteri Anggunan Negeri (ADUN).

Had lalu, sebanyak 73,710 dos vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech dilaporkan dibawa masuk melalui jalur darat dari Singapura ke negeri itu.

Terdapat empat Pusat Simpanan Vaksin (PSV) diwaktukan di Johor dengan 54 lagi adalah Pusat Pemberian Vaksin (PPV).



Petugas kesihatan melakukan persiapan fasa pertama program imunisasi COVID-19 di Stadium Perpaduan Negeri Petra Jaya, Kuching, semalam.
(Foto BERNAMA)



Bagi fasa pertama, 11,000 dos vaksin akan mulai diberikan kepada petugas barisan hadapan bermula 2 Mac hingga 30 April ini.

Sulaiman Md Ali,
Ketua Menteri Melaka

Beliau berkata, bagi fasa pertama, 11,000 dos vaksin akan mulai diberikan kepada petugas barisan hadapan bermula 2 Mac hingga 30 April ini dan ia akan di tetapkan di Hospital Melaka.

Yang di-Pertua Negeri, Tun Dr Mohd Ali Mohd Rustam dijangka menjadi individu pertama menerima suntikan minggu depan, di susuli Ketua Menteri, anggota EXCO dan Ahli Menteri Anggunan Negeri (ADUN).

Had lalu, sebanyak 73,710 dos vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech dilaporkan dibawa masuk melalui jalur darat dari Singapura ke negeri itu.

Terdapat empat Pusat Simpanan Vaksin (PSV) diwaktukan di Johor dengan 54 lagi adalah Pusat Pemberian Vaksin (PPV).



Petugas kesihatan membuat persiapan akhir pelaksanaan suntikan vaksin COVID-19 di Pusat Kesihatan Wilayah Persekutuan, Putrajaya semalam.
(Foto BERNAMA)

Di Kota Kinabalu, Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Hazani Ghazali, berkata Polis Sabah akan memperketatkan kawalan keselamatan ke atas bekalan vaksin COVID-19 dijadualkan tiba esok.

Beliau yang dihubungi semalam berkenan, polis akan mengiringi kenderaan yang dihakimkan membawa vaksin berkenaan sepanjang perjalanan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) ke pusat penyimpanan di Hospital Queen Elizabeth (HQE) serta beberapa pusat penyimpanan lain sebelum diagihkan apabila tiba hari pemerian suntikan.

Di Seremban, Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata vaksin berkenaan dijangka tiba di negeri itu, hari ini dan petugas barisan hadapan daripada pelbagai jabatan dan agensi akan menjadi kumpulan pertama yang akan menerima suntikan vaksin COVID-19 di negeri ini, dalam masa terdekat.

"Saya juga bersedia untuk menerima suntikan dalam kumpulan pertama. Saya sudah mendafarkan diri untuk menerima suntikan vaksin berkenaan," katanya, semalam.

Di Kangar, Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man, berkata Perlis akan mulai menerima bekalan vaksin Pfizer-BioNTech mulai hari ini.

"Bagi fasa pertama, empat PPV sudah dikenal pasti iaitu di Klinik Kesihatan Kampung Gial, Mata Ayer, Klinik Kesihatan Beseri, Klinik Kesihatan FELDA Chuping dan Hospital Tuanku Fauziah," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
24 FEBRUARI 2021 (RABU)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	KKM nilai bekas pesakit COVID-19 terima suntikan
Muka Surat	

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

KKM nilai bekas pesakit COVID-19 terima suntikan

BT 24/2/2021 n5

Kementerian pertimbang pemberian ikut keperluan individu

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan membuat penilaian keperluan bekas pesakit COVID-19 untuk menerima suntikan vaksin, terutama bagi pesakit yang mendapat jangkitan pada tahap satu hingga tiga.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sekiranya ia membabitkan jangkitan tidak bergejala atau gejala ringan, pertahanan antibodi yang terjana mungkin tidak memadai dan harus mendapatkan dua suntikan vaksin.

"Jika jangkitan pada tahap 4 atau 5, antibodi terjana lebih ke-

Jika jangkitan pada tahap 4 atau 5, antibodi terjana lebih kekal dan tinggi, bagaimanapun kita akan buat penilaian hal berkaitan.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

kal dan tinggi, bagaimanapun kita akan buat penilaian hal berkaitan," katanya, semalam.

Malaysia bakal mencatat sejarah dengan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang akan bermula hari ini.

Dr Noor Hisham menjadi antara individu terawal akan me-



nerima suntikan vaksin Pfizer-BioNTech selepas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, sekali gus menandakan bermulanya program imunisasi di negara ini.

Beliau berkata, pelancaran program itu menandakan titik permulaan penamatkan penularan jangkitan COVID-19 dalam

negara, iaitu perlindungan dalam menerusi vaksin, selain perlindungan luaran menerusi kepatuhan kepada segala tindakan pencegahan dan kawalan kesihatan awam serta kepatuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Dalam meluahkan kesyukuran, beliau berkata, suntikan vaksin adalah ikhtiar dan usaha dilakukan kerajaan di samping berserah kepada Allah SWT.

"Alhamdulillah, kita sebagai petugas kesihatan hanya boleh ikhtiar dan berusaha dengan sebaik mungkin sebelum bertawakal kepada Allah SWT," katanya.

Muhyiddin dijadual menerima suntikan pertama vaksin di Pusat Kesihatan Putrajaya, Presint 11 pada jam 3 petang ini, diikuti seorang anggota KKM dan Dr Noor Hisham sebagai individu ketiga sebelum disusuli seorang lagi petugas KKM.

Vaksin Pfizer perlu disuntik dua kali dengan suntikan kedua pada hari ke-21 selepas suntikan pertama.

BERNAMA



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
24 FEBRUARI 2021 (RABU)

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Preventing pollution at river basin
Muka Surat	4

Preventing pollution at river basins

State authorities will monitor measures taken at projects near water sources



Geotextile is used at the EKVE project site to protect the soil.

By VIJENTHI NAIR
vijenthi@thestar.com.my

SELANGOR will scrutinise preventive measures taken by contractors of infrastructure projects near rivers to ensure silt does not end up in the water bodies.

State environment, green technology, tourism and indigenous affairs committee chairman Hee Loy Sian said the state received proposals and approved several big infrastructure projects close to the Sungai Selangor basins, which could potentially pollute the river.

Without proper preventive measures, pollution can result in the closure of all three Sungai Selangor water treatment plants (WTP), namely Sungai Selangor Phase 1 WTP, SSP 2 WTP and SSP 3 WTP, which will likely disrupt water supply to the state for a few days.

"Therefore, we need to look at

We need to look at the matter closely to avoid any disruption in water treatment plant operations.

Hee Loy Sian

this matter closely to avoid any disruption in water treatment plant operations," Hee said after visiting the East Klang Valley Expressway (EKVE) project site near Ampang WTP, to see the preventive measures in place.

He said the East Coast Rail Link (ECRL) was another major project the authorities were paying attention to as its construction sites



Hee visiting the EKVE project site near the Ampang water treatment plant with representatives of the state DOE, Luas as well as project owner and contractor.
— Photos: SAMUEL ONG/The Star

were also near a river.

On the EKVE, he said the project contractor was using geotextile to protect the soil.

He said the Selangor government, the state Environment Department (DOE) and the Selangor Water Management Authority (Luas) received numerous complaints of murky water from Sungai Ampang leading up to Sungai Klang.

He disclosed that the EKVE project, which started in 2015, caused the turbidity levels in Sungai Ampang to go up several times since 2017.

As a result, the Ampang WTP that gets water from Sungai Ampang had to stop operations 119 times in 2019 and 75 times

last year.

This, said Hee, affected many residents.

"There has been no stop-work order so far this year."

"The worst water quality reading this year was 700NTU (nephelometric turbidity units), which was very high but still within the level for water treatment."

"Stop-work order will only happen if the reading exceeds 1,000NTU because water with a reading above that means it cannot be treated."

"The pollution level right now does not necessitate shutting down the water treatment plant, but improvements are needed," he added.

The EKVE contractor, said Hee,

was given the next couple of months to improve measures.

He said the state DOE had hauled the contractor to court twice for polluting the river, with fines of RM100,000 in 2017 and RM160,000 in 2019.

Ampang Jaya Municipal Council also issued a RM500,000 compound to the contractor last year for bad land clearing works.

The relevant state authorities will conduct investigations under the Luas (Amendment) 2020 Bill if any project contractors caused any closure of a water treatment plant.

If found guilty, the offenders can be jailed for no more than two years and fined between RM200,000 and RM1mil, among other penalties.